

MAHATHIR - KERJA

1982

MELAKA, DIS. 17 (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGABKAN RAKYAT MERUPAKAN MODAL TERBESAR YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENJADIKAN NEGARA INI KAYARAYA DAN DIHORMATI DI SELURUH DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERANA ITU KERAJAAN SEDANG MEMPERGIAT USHAH MENGGUNAKAN TENAGA MANUSIA YANG TERDAPAT DENGAN RAMAINYA DI NEGARA INI BAGI MEMBANGUNKAN NEGARA.

BERUCAP DI JAMUAN MAKAN ANJURAN PERHUBUNGAN UMNO MELAKA DI DEWAN SEKOLAH MENENGAH PAY FONG DISINI MALAM INI BELIAU BERKATA, NEGARA DI SAMPING MEMPUNYAI BANYAK SUMBER ALAM JUGA MEMPUNYAI TENAGA MANUSIA YANG BOLEH DIPERTINGKATKAN KECEKAPANNYA UNTUK MENJADIKAN NEGARA INI KUKUH.

+SEMUA PENDUDUK HARUS INGAT JIKA ADA EMAS DAN PERAK DI BUKI MALAYSIA TETAPI JIKA KITA TIDAK KERJA KUAT UNTUK MENGELUARKANNYA, MELENTUR SERTA MENJUALNYA, KITA TIDAK AKAN DAPAT MEMPEROLEHI KEKAYAAN YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK KEBAJIKAN PENDUDUK.+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI CONTOH BAGAIMANA SEBUAH NEGARA SUNGGUHPUN KAYA DENGAN MINYAK TETAPI KERANA TIDAK BERKEBOLEHAN MENGELUARKANNYA TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA ORANG ASING SEHINGGA IA TIDAK BEBAS DENGAN ERTIKATA SEBENARNYA. -- LAGI 2355/II

MAHATHIR - KERJA 2 MELAKA

+KITA MESTI HENCANTOHI RAKYAT JEPUN YANG SANGGUP BERKORBAN UNTUK NEGARNYA DENGAN MENDERITA DI MASA SUBAH DAN BERSUKA-DUKA MASA SENANG.+ TEGAS PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JEPUN MENCAPAI KEJAYAAN KERANA PENGORBANAN MALAYSIA JUGA BOLEH MENCAPAI TARAF ITU JIKA TAULADAN YANG SAMA DICANTOHI.

KATANYA INI PERLU KERANA NEGARA INI BELUM MENCAPAI TARAF KEJAYAAN YANG BOLEH DIBANGGAKAN SUNGGUHPUN PEMBANGUNAN PESAT TELAH DIJALANKAN SEJAK NEGARA MENCAPAI KEJAYAAN.

+SUNGGUHPUN KITA TELAH MELAKSANAKAN TIGA PEREMPAT PEMBANGUNAN SEJAK MERDEKA BERBANDING DENGAN CUMA SATU PER EMPAT YANG DIJAYAKAN SEMASA ZAMAN PENJAJAHAN BRITISH, KITA TIDAK BOLEH BERPUASHATI DENGAN PEMBANGUNAN YANG DICAPAI, SEBALIKNYA PERLU MENJADIKAN NEGARA INI LEBIH BEBAS DAN MERDEKA ERTIKATA SEBENAYNYA.+ KATANYA.

-- BERNAMA 2359/II